

Polis bongkar sindiket persundalan beroperasi di Duyong, Melaka

# Pelajar sekolah dilacurkan

Oleh ROSLI HASSAN  
rosli@kosmo.com.my

**MELAKA** – Banyak sindiket pelacuran yang dibongkar oleh polis lazimnya melibatkan wanita warga China, Thailand dan Filipina tetapi di negeri ini lain pula ceritanya apabila pihak berkuasa menumpaskan sindiket persundalan membabitkan pelajar sekolah menengah.

Difahamkan, pelacur muda berusia belasan tahun tersebut dipaksa melayan sekurang-kurangnya seorang lelaki sehari dengan bayaran antara RM60 dan RM80.

Ketiga-tiga pelacur berkenaan merupakan remaja yang lari dari rumah sejak dua bulan lalu dan tinggal bersama seorang ibu ayam di sebuah rumah di Duyong di sini.

Dua daripada mereka tidak lagi menghadirkan diri ke sekolah manakala seorang lagi telah berhenti belajar beberapa tahun lalu.

Sejak beroperasi dua bulan lalu, mereka dipercayai telah melayan tidak kurang 130 lelaki.

Bagaimanapun, kelicikan sindiket itu tiba ke penghujungnya kelmarin apabila polis negeri ini menahan tiga pelacur berkenaan, seorang ibu ayam dan dua

pembantunya yang mana salah seorang daripada mereka merupakan anggota tentera berusia dalam lingkungan 20-an.

Peranan anggota tentera tersebut ialah membantu ibu ayam berkenaan mencari pelanggan dan menghantar pelacur-pelacur itu ke dua buah hotel murah di Jalan Tun Ali di sini untuk melakukan hubungan seks.

Kesemua mereka ditahan pada pukul 3 petang di sebuah rumah di Duyong di sini selepas

polis mendapat maklumat daripada seorang remaja yang mendakwa dipaksa oleh ibu ayam itu untuk melacur.

Berdasarkan maklumat tersebut, polis kemudian dapat menahan empat lelaki di rumah masing-masing di sekitar negeri ini yang disyaki pernah melanggan pelacur-pelacur tersebut.

Kesemua ketujuh-tujuh suspek merupakan orang Melayu.

Ketua Jabatan Siasatan Nelayah negeri, Asisten Komisyoner Mohd. Adnan Abdullah berkata, operasi khas tersebut diketuai oleh Asisten Supritendan Noor Zarini Ariffin.

Katanya, sebaik menerima laporan daripada pelajar yang dapat melarikan diri itu, pihaknya telah melakukan serbuan di rumah ibu ayam tersebut sebelum menahan empat lelaki yang per-



MOHD. ADNAN



SALAH satu lorong belakang sebuah rumah kedai yang menjadi lokasi pelacuran di Jalan Tun Ali, Melaka.

## Sejak beroperasi dua bulan lalu, mereka dipercayai telah melayan tidak kurang 130 lelaki

nah melanggan pelacur itu beberapa jam kemudian.

"Kita masih dalam proses untuk melengkapkan siasatan termasuk mendapatkan maklumat daripada suspek-suspek.

"Kes ini sangat serius kerana melibatkan pelajar sekolah sebagai pelacur," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kon-

tinjen (IPK) Melaka semalam.

Kesemua suspek kini ditahan reman selama empat hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 43(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001. Jika sabit kesalahan mereka boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjara sehingga 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

## PIBGN tidak terkejut

**KUALA LUMPUR** – Majlis Permuafakatan Persepatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) tidak terkejut mendengar kewujudan sindiket pelacuran di kalangan pelajar sekolah malah dapat menjangka kes seumpama itu memang berlaku pada masa kini.

Presidennya, Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan (**gambar**) berkata, walaupun kes yang melibatkan pelajar sekolah melacur merupakan sesuatu yang serius tetapi kejadian seumpama itu sudah dijangkakan berlaku disebabkan pergaulan bebas, faktor persekitaran dan cetek ilmu agama.

"Mereka hanya mencari keseronokan walaupun kadangkala upah yang diterima tidak begitu lumayan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tangkapan tiga pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam sindiket pelacuran di Melaka sejak Mei lalu.

Turut ditahan ialah ibu ayam dan dua orang pembantunya selain empat pelanggan lelaki yang semuanya berusia 20-an.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Melaka, Datuk Yaakub Md. Amin berkata, pelajar yang mempunyai masalah boleh berjumpa dengan guru-guru kaunseling di sekolah masing-masing untuk berbincang dan tidak perlu mengambil jalan pintas melarikan diri dari rumah.



# Tiga sarang pelacur dimusnah

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 267 bilik pelacuran di tiga lokasi sekitar ibu kota dimusnahkan dalam operasi bersepadu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam bagi mengelak aktiviti pelacuran berulang di premis berkenaan.

Penguasa Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan DBKL, Minhah Ahmad berkata, antara premis pelacuran yang menjadi sasaran ialah kawasan sekitar Jalan Petaling, Jalan Silang dan Brickfields.

Menurut beliau, DBKL telah me-

robuhkan semua pintu dan penghadang premis berkenaan dan selepas empat kali serbuan dibuat tahun ini, bilangan premis pelacuran di lokasi terbabit semakin berkurangan.

“Di Brickfields, kita berjaya memusnahkan 140 bilik di tujuh premis pelacuran yang beroperasi semula manakala lima premis di lokasi sama sudah tidak beroperasi sementara di Jalan Petaling, DBKL memusnahkan 127 bilik di enam premis pelacuran tetapi tiada sebarang aktiviti meroboh di Jalan Silang,” ka-

tanya selepas operasi berkenaan.

Selain DBKL, operasi yang disertai 123 anggota itu turut melibatkan anggota polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Menurut Minhah, dalam operasi kali ini, tiada tangkapan melibatkan individu berkaitan aktiviti pelacuran dan tiada barang dirampas kerana semuanya telah diambil oleh pemilik premis dalam operasi DBKL sebelum ini.



**ANGGOTA DBKL memusnahkan sebahagian bilik-bilik yang dijadikan tempat untuk melacur di Brickfields, Kuala Lumpur semalam.**